

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASAN BIN ARIFIN**

**KAWASAN : ROMPIN**

**TARIKH : 1 DISEMBER 2015 (SELASA)**

**NO. SOALAN : 38**

**YB TUAN HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:**

- (a) berapakah jumlah unit kereta semua model yang telah dikeluarkan dan nilainya serta jumlah kereta yang telah dieksport dan nilainya; dan
- (b) berapakah jumlah yang telah dibeli oleh Kerajaan dan jumlah yang dijual kepada Bumiputera dan bukan Bumiputera.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tempoh Januari hingga September 2015, jumlah kenderaan yang dikeluarkan di Malaysia adalah sebanyak 463,388 unit, iaitu meningkat 2.5 peratus berbanding 452,167 unit dalam tempoh sama pada tahun 2014.

Manakala, jumlah eksport kenderaan bagi tempoh Januari hingga September 2015 adalah RM851.7 juta. Kebanyakan eksport kenderaan Malaysia adalah ke Thailand, Korea Selatan dan Viet Nam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembelian kenderaan oleh Kerajaan adalah di bawah bidang kuasa agensi-agensi Kerajaan berkaitan yang mana dikawal selia oleh Kementerian Kewangan dan tidak dipantau oleh Kementerian ini.